



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN  
TINGGI (BPPT) TAHUN 2019**

# **GARIS PANDUAN PEMBERIAN BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI (BPPT)**

## **TAHUN 2019**

### **1. PENDAHULUAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan pemberian Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) pada tahun 2019. Bantuan tersebut akan disalurkan menggunakan mekanisme sedia ada iaitu melalui Kad Diskaun Siswa daripada Bank Rakyat. Bantuan ini dijangka memanfaatkan 1.2 juta pelajar dan akan melibatkan peruntukan sebanyak RM120 Juta.

### **2. OBJEKTIF**

Pemberian BPPT 2019 adalah bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar.

### **3. KRITERIA KELAYAKAN**

**Pelajar yang layak menerima BPPT 2019 ini mestilah memenuhi kriteria seperti berikut :**

- I. Warganegara Malaysia; dan
- II. Berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa atau separuh masa pada tarikh **31 Disember 2018** di institusi pendidikan di Malaysia seperti berikut:
  - a) Tingkatan 6, Senior Middle 3, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Diploma Kolej Vokasional , Matrikulasi, Pengajian Asas (Foundation), Asasi, A-Level, International Baccalaureate Diploma, Australian Matriculation (AUSMAT) Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda dan setaraf, Sarjana dan setaraf, Doktor Falsafah dan setaraf, serta kursus profesional yang bertaraf diploma dan ke atas yang diiktiraf oleh Kerajaan atau badan-badan profesional di Malaysia;
  - b) IPT di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau IPT yang telah berdaftar di bawah akta-akta yang berkuatkuasa; atau

- c) Mendapat pertimbangan daripada YB Menteri Pendidikan berdasarkan kriteria / syarat kelayakan seperti di atas.

#### 4. KADAR

Setiap pelajar yang layak akan menerima BPPT berjumlah **RM100**.

#### 5. CARA SEMAKAN KELAYAKAN DAN PERMOHONAN BAHARU

- a) Bantuan akan disalurkan kepada yang layak (memenuhi syarat di para 3) **mulai 28 Mac 2019 secara berperingkat.**
- b) Pelajar boleh membuat semakan status kelayakan dan mengisi borang permohonan secara atas talian di portal Bank Rakyat atau di pautan <http://www.bankrakyat.com.my/bppt> mengikut tarikh seperti berikut:

PERKARA	PELAJAR SEDIA ADA (TELAH MEMPUNYAI KAD)	PELAJAR BARU (TIADA KAD)/ AKAUN TELAH DITUTUP
Tempoh Semakan Kelayakan	<b>28 Mac 2019 – 28 April 2019</b>	<b>28 Mac 2019 – 28 April 2019</b>
<b>*Tempoh Pengemaskinian Data sekiranya status “TIADA REKOD”</b>	<b>28 Mac 2019 – 28 April 2019</b>	<b>28 Mac 2019 – 28 April 2019</b>
Tempoh Permohonan bagi pelajar <b>“LAYAK”</b>	Tidak perlu memohon/ BPPT 2019 akan dikreditkan ke akaun sedia ada.	<b>1 April 2019 – 30 April 2019</b>
Tempoh Permohonan bagi pelajar <b>“TIADA REKOD”</b>	Tidak Berkaitan	<b>10 Mei 2019 - 31 Mei 2019</b>
Tempoh Semakan Status Permohonan	Tidak Berkaitan	Semakan status permohonan boleh dibuat 2 minggu selepas tarikh permohonan sehingga <b>30 Jun 2019</b>
Tempoh Pengambilan kad	Tidak Berkaitan	Selewat-lewatnya pada <b>31 Julai 2019</b>

**\* Sekiranya pelajar memenuhi kriteria kelayakan menerima BPPT 2019 tetapi semakan menunjukkan status “TIADA REKOD”**

- Pelajar diminta menghubungi dan memaklumkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar di institusi masing-masing untuk mengemaskini data di MyMohes (Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti) / e-IPTS (IPT swasta) / penyelaras agensi **bermula 28 Mac 2019 sehingga selewat-lewatnya pada 28 April 2019.**

c) Pelajar yang **telah membuat permohonan** boleh mengambil Kad Diskaun Siswa Bank Rakyat di mana-mana cawangan Bank Rakyat selepas semakan status bertukar kepada **“BPPT TELAH DIKREDITKAN KE AKAUN SIMPANAN-i BANK RAKYAT ANDA”**.

## **6. FAEDAH PENGGUNAAN BPPT 2019 MELALUI KAD DISKAUN SISWA BANK RAKYAT**

Pelajar boleh menikmati pelbagai diskaun sekiranya menggunakan kad tersebut di premis rakan dagang yang berkaitan. Senarai rakan dagang KPDNHEP boleh disemak melalui pautan <http://kadsiswa.infopengguna.com>